

**KESEDIAAN MASYARAKAT DALAM PEMBANGUNAN PROGRAM
HOMESTAY**

AFIFAH BINTI ARIFIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

JANUARI 2013

ABSTRAK

Kesediaan masyarakat merupakan elemen penting yang bakal menentukan kejayaan pembangunan program homestay. Kebanyakan kegagalan projek masyarakat seperti program homestay ini adalah disebabkan oleh kegagalan membangunkan kesediaan masyarakat. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat kesediaan masyarakat dalam pembangunan program homestay terutamanya dari aspek pengetahuan, kemahiran, kepimpinan dan sokongan masyarakat bagi membolehkan projek homestay dilaksanakan dengan efektif. Sehubungan itu, kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrument utama bagi proses pengumpulan data. Selain daripada itu, temubual separa berstruktur dibuat ke atas pengurus homestay dan ketua kampung. Bilangan sampel kajian adalah seramai 140 orang yang membabitkan enam buah homestay dalam Koridor Ekonomi Pantai Timur. Pengumpulan data mentah dianalisis menggunakan *Statistical for Social Science (SPSS) 16 for Windows* manakala data temu bual dianalisis berdasarkan tema. Analisis data yang dijalankan adalah menggunakan analisis deskriptif dan ujian Anova. Dapatan kajian menunjukkan masyarakat mempunyai persepsi kefahaman yang sederhana dari aspek penjana ekonomi dan tahap kesediaan dari aspek pengetahuan, kemahiran, kepimpinan dan sokongan masyarakat yang secara keseluruhan berada pada tahap sederhana. Kesimpulannya, kajian ini telah menggambarkan penglibatan masyarakat dalam pembangunan program homestay dipengaruhi oleh kesediaan dalam diri mereka.



ABSTRACT

Community readiness was an important element that will determine the success of the homestay program. Most failures community projects such as the homestay program is due to the failure for develop community readiness. Therefore, this study was undertaken to see the willingness of society in the development of a homestay program, particularly from of their knowledge, skills, leadership and community support to enable the project homestay effectively implemented. Consequently, a quantitative research by using questionnaires as the primary instrument for data collected process. In addition, the semi-structured interviews made on the chairman and chief village homestay. Number of samples is the total of 140, which is six homestay in the East Coast Economic Corridor (ECER) . The raw data were analyzed using the Statistical for Social Science (SPSS) 16 for Windows and the interview data were analyzed by theme. Data analysis was performed using descriptive analysis and Anova test. The results showed that people have a moderate understanding of perception in terms of economic production and state of readiness in terms of knowledge, skills, leadership and support of the community as a whole is moderate. In conclusion, this study describes the involvement of the community in the development of the homestay program was influenced by the state of readiness of themselves.



KANDUNGAN

	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xvi
	SENARAI RAJAH	xx
	SENARAI SINGKATAN	xxi
	SENARAI LAMPIRAN	xxii
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	2
1.3	Penyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Hipotesis Kajian	6
1.7	Kepentingan Kajian	6
1.8	Skop Kajian	8



1.9	Kerangka Konsep	9
1.10	Definisi Konsep dan Istilah	11
	1.10.1 Kesediaan	11
	1.10.2 Pengetahuan	11
	1.10.3 Kemahiran	11
	1.10.4 Masyarakat	12
	1.10.5 Kepimpinan	12
	1.10.6 Homestay	12
	1.10.7 Pelancongan Desa	13
1.11	Rumusan	13

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Konsep Pembangunan Komuniti	16
2.3	Perkembangan Pelancongan Global	17
2.4	Perkembangan Industri Pelancongan di Malaysia	20
2.5	Perkembangan Pelancongan Komuniti	22
	2.5.1 Pelancongan Berasaskan Komuniti	25
	2.5.2 Sejarah Homestay	26
	2.5.3 Konsep Homestay	27
	2.5.4 Tujuan Program Homestay	28
	2.5.5 Perkembangan homestay di Malaysia	29
	2.5.6 Wilayah Ekonomi Pantai Timur (<i>East Coast Economic Region, ECER</i>)	31
2.6	Institusi yang Terlibat dalam Pembangunan Homestay	34
2.7	Institusi yang Terlibat dalam Latihan Homestay	35
2.8	Kursus-Kursus yang Disediakan	37
2.9	Pembangunan Keupayaan Komuniti	40
	2.9.1 Kepimpinan	43
2.10	Model-Model Pembangunan Pelancongan Komuniti	44



PTAAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

2.11	Model Pembangunan Kesiediaan Masyarakat	48
2.12	Sorotan Kajian Lepas	50
2.13	Rumusan	51

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

		52
3.1	Pengenalan	52
3.2	Reka Bentuk Kajian	55
3.3	Lokasi Kajian	55
3.4	Kerangka Kerja Operasi	57
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	58
3.6	Instrumen Kajian	58
3.7	Pengumpulan Data	58
	3.7.1 Soal Selidik	60
	3.7.2 Temubual	60
3.8	Kajian Rintis	61
3.9	Analisis Data	62
3.10	Rumusan	

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	63
4.2	Statistik Deskriptif	65
4.3	Data Analisis	65
	4.3.1 Analisis bahagian A : Maklumat diri responden	
	4.3.1.1 Jantina	66
	4.3.1.2 Umur	66
	4.3.1.3 Pendapatan	67
	4.3.1.4 Kehadiran dalam Latihan	68



4.3.1.5	Tempoh Menyertai	69
4.3.1.6	Faktor Penglibatan	69
4.3.1.7	Taraf Akademik	70
4.3.1.8	Jawatan dalam Komuniti	71
4.3.1.9	Jawatan dalam Program Homestay	72
4.3.2	Analisis Bahagian B	
4.3.2.1	Analisis Keseluruhan bagi Kesemua Komponen yang Menyumbang kepada Pembangunan Program Homestay.	73
4.3.2.2	Pandangan Komuniti tentang Program Homestay dari Aspek Penjanaan Ekonomi kepada Komuniti	74
4.3.2.3	Tahap Keupayaan Komuniti dari Aspek Pengetahuan dalam Pelaksanaan Program Homestay	76
4.3.2.4	Tahap Kemahiran Komuniti dari Aspek Kemahiran dalam Pembangunan Program Homestay	77
4.3.2.5	Tahap Kepimpinan yang Membolehkan Pembangunan Program Homestay	79
4.3.2.6	Tahap Kesediaan Sokongan Masyarakat yang Menyumbang kepada Pembangunan Program Homestay	80
4.3.3	Analisis Bahagian C	
4.3.3.1	Min Perbezaan antara tiga buah yang Terpilih dengan Empat Komponen yang Menyumbang kepada Pembangunan Program Homestay	82



4.3.3.2	Perbezaan antara tiga buah Homestay yang Terpilih dari Aspek Tahap Kesediaan Pengetahuan Masyarakat dalam Pembangunan Program Homestay	83
4.3.3.3	Perbezaan antara tiga buah Homestay yang Terpilih dari Aspek Tahap Kesediaan Kemahiran Masyarakat dalam Pembangunan Program Homestay	84
4.3.3.4	Perbezaan antara tiga buah Homestay yang Terpilih dari aspek Tahap Kesediaan Kepimpinan dalam pembangunan program homestay	85
4.3.3.5	Perbezaan antara tiga buah Homestay yang Terpilih dari aspek Tahap Kesediaan Sokongan Masyarakat yang Menyumbang kepada Pembangunan Program Homestay	87
4.4	Dapatan Hasil Temubual	89
4.5	Rumusan	92

BAB 5 KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	93
5.2	Kesimpulan	93
5.3	Perbincangan	94
5.2.1	Pandangan Masyarakat tentang Program Homestay dari Aspek Penjanaan Ekonomi kepada mereka	94



5.2.2	Tahap Kesediaan Masyarakat dari Aspek Pengetahuan dan Kemahiran dalam Pelaksanaan Program Homestay.	97
5.2.3	Tahap Kesediaan Kepimpinan yang Membolehkan Pembangunan Program Homestay.	99
5.2.4	Tahap Kesediaan Sokongan Masyarakat yang Menyumbang Kepada Program Pembangunan Homestay	101
5.2.5	Perbezaan antara tiga buah Homestay Terpilih dengan empat Komponen yang Menyumbang kepada Pembangunan Program Homestay.	103
5.3	Cadangan	104
5.3.1	Cadangan Kerangka Kesediaan Masyarakat dalam Pembangunan Homestay	105
5.4	Rumusan	106



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

1.1	Statistik homestay sehingga 31 disember 2011	3
2.1	ketibaan pelancong dan bahagian pasaran rantau asia dan pasifik 1990 – 2020	17
2.2	Ketibaan pelancong bahagian pasaran bagi rantau asean, 1990 – 2004	18
2.3	Analisis kedatangan pelancong antarabangsa, januari hingga disember 2010	19
2.4	Ciri-ciri umum dalam pelancongan massa dan pelancongan alternatif	22
2.5	Laporan prestasi pelaksanaan program homestay hingga Disember 2010	29
2.6	Jumlah pendapatan homestay dari tahun 2006 hingga tahun 2010	29
2.7	Analisis jangkaan kedatangan pelancong ke wilayah ECER dari tahun 2005-2020	32
2.8	Bilangan homestay yang terdapat di bawah ECER	32
2.9	Institusi yang terlibat dalam pembangunan program homestay	33
2.10	Kursus asas pelancongan desa : homestay	36
2.11	Sijil kemahiran homestay- tahap 2 (pengusaha homestay)	37
2.12	Sijil kemahiran homestay- tahap 3 (penyelaras homestay)	38
2.13	Faktor-faktor memastikan kejayaan dalam membangunkan kapasi	41
2.14	Tipologi penglibatan masyarakat	45
2.15	Definisi & konsep keupayaan/kesediaan komuniti	48
3.2	Senarai nama homestay	57



3.3	Senarai bahagian soal selidik	59
3.4	Skala likert	59
3.5	Jadual kecenderungan skor min	61
4.1	Kriteria homestay Kubang Telaga	63
4.2	Kriteria homestay Pantai Suri	64
4.3	Kriteria homestay Teluk Ketapang	64
4.4	Kriteria homestay Rhu 10	64
4.5	Kriteria homestay Desa Murni	64
4.6	Kriteria homestay Kuala Medang	65
4.7	Taburan sampel kajian mengikut jantina	66
4.8	Taburan sampel kajian mengikut umur	67
4.9	Taburan sampel kajian mengikut pendapatan	67
4.10	Taburan sampel kajian yang menghadiri kursus latihan homestay	68
4.11	Tempoh masa sampel kajian menyertai program homestay	69
4.12	Taburan sampel kajian berdasarkan faktor penglibatan	70
4.13	Taburan sampel kajian berdasarkan taraf akademik	71
4.14	Taburan sampel kajian berdasarkan jawatan dalam kampung	71
4.15	Taburan Sampel kajian berdasarkan jawatan yang disandang dalam program homestay	72
4.16	Analisis keseluruhan tahap kesediaan dari aspek pengetahuan, kemahiran, kepimpinan dan sokongan masyarakat	73
4.17	Analisis pandangan masyarakat tentang program homestay dari aspek penjanaan ekonomi kepada komuniti	74
4.18	Analisis tahap keupayaan komuniti dari sudut pengetahuan dalam pelaksanaan program homestay	76
4.19	Analisis tahap kesediaan masyarakat dari aspek kemahiran dalam pembangunan program homestay	78
4.20	Analisis tahap kesediaan kepimpinan yang membolehkan pembangunan program homestay	79



4.21	Analisis tahap kesediaan sokongan masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan program homestay	80
4.22	Min bagi perbezaan antara tiga buah homestay terpilih dengan empat komponen yang menyumbang kepada pembangunan program homestay	82
4.23	Perbezaan antara tiga buah homestay yang terpilih dari aspek tahap kesediaan pengetahuan masyarakat dalam pembangunan program homestay	83
4.24	Perbezaan antara tiga buah homestay yang terpilih dari aspek tahap kemahiran masyarakat dalam pembangunan program homestay	85
4.25	Perbezaan antara tiga buah homestay yang terpilih dari aspek tahap kesediaan kepimpinan dalam pembangunan program homestay.	86
4.26	Perbezaan antara tiga buah homestay yang terpilih dari aspek tahap kesediaan sokongan masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan program homestay	87
4.27	Hasil ujian Anova antara tiga buah homestay yang terpilih dengan empat komponen yang menyumbang kepada pembangunan program homestay	88
4.28	Hasil temubual	89



SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Konsep	10
2.1	Lokasi negeri-negeri yang terlibat di bawah ECER	31
2.2	Kerangka Institusi Homestay di Malaysia	35
2.3	Kerangka Pembangunan Keupayaan Komuniti	40
2.4	Peringkat penyertaan komuniti dan pengagihan semula kuasa	45
3.1	Kerangka carta alir reka bentuk kajian	54
3.2	Ringkasan Kerangka Kerja Operasi	56
5.1	Kerangka Kesediaan Masyarakat	106



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

APEC	-	Sekretariat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik
ECER	-	East Coast Economic Region
CBT	-	Community Based Tourism
CCB	-	Community Capacity Building
CDA	-	Community Development Academy
INFRA	-	Institut Pembangunan Desa
KEMAS	-	Kemajuan Masyarakat
KESEDAR	-	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KETENGAH	-	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
KKLW	-	Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah
LKIM	-	Lembaga Perikanan Malaysia
MPTN	-	Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan
MOCAT	-	Ministry of Culture, Arts and Tourism
NGO	-	Non Government Organisation
NKEA	-	National Key Economic Area
OECD	-	Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan
PBB	-	Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu
PNK	-	Pendapatan Negara Kasar
PTD	-	Pelan Tindakan Desa
RMK9	-	Rancangan Malaysia kesembilan
RMK10	-	Rancangan Malaysia kesepuluh
RISDA	-	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
SPSS	-	Statistical Package for The Social Sciences
UNWTO	-	United Nation World Tourism Organisation
UNDP	-	United Nations Development Programme



SENARAI LAMPIRAN

A	Carta Gant	119
B	Borang Soal selidik	122
C	Soalan Temubual	133
D	Analisis Kajian Rintis	136
E	Pengesahan Semakan Soal Selidik	138
F	Analisis SPSS	147
G	Surat Kebenaran Mendapatkan Maklumat Kajian	168
H	Gambar Semasa Mengedarkan Soal Selidik	176



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Industri pelancongan menjadi semakin penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia dan banyak menyumbang kepada pendapatan serta pertumbuhan negara. Industri pelancongan dikatakan menjadi pemaju utama kepada sosio-ekonomi sesebuah negara (Chin,2009).Walaupun secara relatif Malaysia masih baru dalam industri pelancongan di peringkat antarabangsa, namun industri pelancongan ini mempunyai potensi dengan mutu dan daya tarikan setanding dengan destinasi pelancongan yang lain di kawasan Asia Tenggara. Pembangunan industri pelancongan ini boleh disifatkan sebagai sebahagian daripada usaha membina, memperluas dan mempelbagaikan asas ekonomi negara dalam sektor perkhidmatan agar menjadi lebih dinamik, progresif dan berdaya maju. Oleh sebab itu, industri pelancongan Malaysia amat penting kerana ia merupakan penyumbang kedua tertinggi kepada ekonomi negara selepas sektor pembuatan (Chaynee, 2005).

Malaysia berada pada kedudukan antara 10 negara teratas berdasarkan bilangan dan pada kedudukan 15 negara teratas jika dikira dari segi aspek hasil pelancongan. Pada tahun 2009 sebanyak RM 36.9 bilion telah disumbangkan oleh industri pelancongan kepada Negara Malaysia dan sasaran sebanyak RM 103.6 bilion bagi tahun 2020 (Program Transformasi Ekonomi, Hala Tuju Untuk Malaysia, Bab 10). Kerajaan juga terus memberi sokongan kepada usaha pembangunan pelancongan di Malaysia.

Pada tahun 2011 seramai 24.7 juta orang pelancong telah datang ke Malaysia dan jumlah ini telah menyumbang pendapatan sebanyak RM 58.3 bilion. Jumlah tersebut dijangka meningkat menjelang tahun 2020 iaitu seramai 36 juta orang ketibaan pelancong dengan jangkauan kutipan hasil mencecah RM 168 bilion.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pelancongan berasaskan komuniti merupakan salah satu konsep baru di dalam industri pelancongan di negara ini. Penekanan terhadap pelancongan seperti ini bermula apabila kerajaan menyedari sektor ini mempunyai potensi di dalam membangunkan komuniti khususnya dalam kalangan komuniti luar bandar. Aminudin & A.Jamal (2006), menjelaskan bahawa program homestay adalah salah bentuk pelancongan komuniti. Melalui program ini, pelancong dapat berinteraksi secara terus dengan keluarga yang menjadi tuan rumah (hos) mereka. Pelancongan jenis ini mampu berfungsi membangunkan masyarakat luar bandar dengan pelbagai peluang pekerjaan bakal diwujudkan menerusi aktiviti tersebut.

Di Malaysia, penawaran program homestay diperkenalkan secara rasmi pada tahun 1995 menerusi pelancaran program Homestay Kampung Desa Murni Pahang. Bermula dari situ Kementerian Pelancongan secara rasminya telah menjadikan homestay sebagai salah satu produk pelancongan Malaysia dan ianya giat dipromosikan ke seluruh dunia. Walaupun sejarah homestay ini lebih awal bermula di Malaysia iaitu pada tahun 1988 menerusi program pertukaran belia Jepun dengan Malaysia di Kampung Desa Murni Temerloh Pahang, namun ianya mula berkembang pada tahun 1995. Oleh yang demikian, produk homestay tidak digolongkan sebagai kemudahan penginapan semata-mata, namun lebih memfokuskan kepada gaya hidup dan pengalaman termasuk juga budaya dan kegiatan ekonomi (Kementerian Pelancongan, 2010).

Kementerian Pelancongan Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah memperkenalkan program homestay pada tahun 1988 dengan menawarkan penginapan alternatif kepada pelancong-pelancong. Oleh yang demikian, program ini telah memberi peluang kepada pelancong untuk tinggal bersama tuan rumah dan mengalami sendiri aktiviti yang

dijalankan. Penglibatan *United Nations Development Programme* (UNDP) dan *World Tourism Organisation* (UNWTO) telah memasukkan program homestay di bawah Pelan Induk Pelancongan Desa membolehkan peserta latihan atau tuan rumah homestay menyertai kursus di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

Menyedari akan potensi pembangunan pelancongan komuniti, kerajaan telah memberi fokus yang serius kepada dasar-dasar pembangunan termasuklah dalam Rancangan Malaysia kesembilan (RMK9) sehingga ke Rancangan Malaysia kesepuluh (RMK10) melalui peruntukan bajet kepada sektor pelancongan. Menurut Chin(2009), penambahan sebanyak RM 10 juta telah di berikan bertujuan untuk pembangunan fizikal menerusi Pakej Kedua Rangsangan Ekonomi. Jadual 1.1 menunjukkan statistik bilangan homestay sehingga 31 Disember 2011.

Jadual 1.1: Statistik Bilangan Homestay sehingga 31 Disember 2011
(Laporan Kementerian Pelancongan Malaysia,2011)

Bil	Negeri	Jumlah Homestay	Jumlah Kampung	Jumlah Peserta	Jumlah Bilik
1	Perlis	3	3	56	64
2	Kedah	14	19	296	393
3	Pulau Pinang	9	9	200	227
4	Perak	6	30	231	308
5	Selangor	15	18	458	660
6	Melaka	7	7	115	173
7	Negeri Sembilan	9	27	231	354
8	Johor	16	35	478	623
9	Kelantan	6	7	133	133
10	Terengganu	6	6	104	106
11	Pahang	14	19	249	376
12	Sarawak	26	28	353	357
13	Sabah	16	25	228	438
14	Labuan	3	3	79	97
Jumlah Keseluruhan		150	236	3,211	4,309

Berdasarkan Jadual 1.1 menunjukkan statistik homestay sehingga 31 Disember 2011, terdapat sebanyak 150 buah homestay di Malaysia yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan. Kesemua negeri dalam Malaysia mempunyai homestay masing-masing walaupun dalam jumlah yang kecil. Namun begitu, Sarawak mempunyai jumlah homestay paling tinggi iaitu 26 buah, manakala Labuan dan Perlis mempunyai jumlah yang kecil iaitu sebanyak 3 buah walaupun keluasan negeri hanyalah kecil. Secara keseluruhan, terdapat 236 buah kampung yang meliputi semua negeri terlibat dalam program ini dan seramai 3211 orang telah berdaftar sebagai pengusaha homestay.

Perkembangan ini juga telah membawa kepada pembangunan Koridor Ekonomi Wilayah Pantai Timur yang merangkumi negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan Daerah Mersing di Negeri Johor. Salah satu tumpuan dalam pelan pembangunan itu adalah berkaitan dengan sektor pelancongan (Laporan RMK10). Oleh itu, Kementerian Pelancongan (2010) telah menjadikan program homestay sebagai strategi ke arah meningkatkan pendapatan serta taraf hidup dan menggalakkan penyertaan penduduk luar bandar.

1.3 Penyataan Masalah

Walaupun statistik di Jadual 1.1 menunjukkan peningkatan bilangan homestay sehingga tahun 2011, persoalan yang timbul ialah sejauh mana masyarakat tersebut bersedia untuk memajukan program homestay terutamanya dalam Koridor Ekonomi Wilayah Timur (ECER) kerana kalau dilihat kepada kewujudan program homestay tidak semua adalah berdaya saing dan berdaya maju.

Isu yang sering diperbincangkan ialah kejayaan program homestay dalam menyediakan peluang ekonomi kepada penduduk luar bandar serta sejauh mana kemampuan untuk beroperasi. Menurut Liu dan Wall (2006), sekiranya pelancongan dilihat sebagai sesuatu yang memberi manfaat kepada penduduk setempat, maka ia seharusnya berkait dengan pandangan penduduk, penglibatan dan juga sokongan mereka. Walau bagaimanapun, program pelancongan berasaskan komuniti tidak lagi mengambil kira tindak balas dan pandangan dari penduduk malah turut mengabaikan

kebajikan komuniti setempat. Aspek kesediaan masyarakat harus dilihat pada peringkat awal.

Hasil kajian yang telah dijalankan oleh Kayat dan Mohd Nor (2010), Abdul Razzaq et.al (2012) mendapati kesediaan masyarakat sangat penting untuk membolehkan mereka bergerak sendiri dan memajukan program homestay dalam acuan mereka sendiri untuk manfaat mereka. Kebanyakan mereka yang terlibat dalam program homestay ini kurang kreatif dan hanya menerima apa juga bentuk program yang disediakan kepada mereka (Hamzah dan Khalifah, 2010).

Kesediaan masyarakat dari aspek pengetahuan, kemahiran, pengurusan dan sokongan komuniti adalah penting dalam pembangunan program pelancongan seperti homestay (Moscardo, 2008). Kegagalan masyarakat untuk terlibat dalam peringkat perancangan akan menjejaskan bentuk pembangunan pelancongan bagi keperluan komuniti setempat. Malahan menurut Hall (2005), masyarakat juga akan gagal meramal faedah yang bakal dinikmati oleh komuniti disebabkan oleh masalah.

Kesediaan masyarakat adalah merupakan satu komponen yang sangat mustahak diberi perhatian sejak dari peringkat awal pembangunan homestay bagi memastikan pembangunan program tersebut benar-benar berfungsi untuk pembangunan komuniti. Menurut Chaskin et al., (2001) kesediaan masyarakat itu adalah penting untuk membolehkan mereka mengurustadbir pembangunan program di peringkat komuniti seperti program homestay ini.

Sehubungan dengan itu kajian ini dijalankan untuk melihat kesediaan masyarakat dari aspek-aspek yang telah dinyatakan di atas tadi.

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengetahui pandangan masyarakat tentang program homestay dari aspek penajaan ekonomi kepada mereka.
- ii. Mengetahui tahap kesediaan masyarakat dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam pembangunan program homestay.
- iii. Mengetahui tahap kesediaan kepimpinan dalam pembangunan program homestay.

- iv. Mengenal pasti tahap kesediaan sokongan masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan program homestay.
- v. Mengenal pasti perbezaan antara tiga buah homestay terpilih dengan empat komponen yang menyumbang kepada pembangunan program homestay.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang disenaraikan dalam proses mencari jawapan kepada isu/masalah kajian yang akan dilaksanakan. Di samping itu, ia akan digunakan untuk menilai pencapaian matlamat kajian pada akhirnya. Persoalan-persoalan kajian tersebut adalah :-

- I. Apakah pandangan masyarakat tentang program homestay dari aspek penjana ekonomi kepada mereka?
- II. Apakah tahap kesediaan masyarakat dari aspek pengetahuan dalam pembangunan program homestay?
- III. Apakah tahap kesediaan masyarakat dari aspek kemahiran dalam pembangunan program homestay?
- IV. Apakah tahap kesediaan kepimpinan dalam pembangunan program homestay?
- V. Apakah tahap kesediaan sokongan masyarakat yang menyumbang kepada pembangunan program homestay?
- VI. Apakah perbezaan antara tiga buah homestay terpilih dengan empat komponen yang menyumbang kepada pembangunan program homestay?

1.6 Hipotesis Kajian

- I. Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan antara tiga buah homestay terpilih dengan empat komponen yang menyumbang kepada pembangunan program homestay?

1.7 Kepentingan Kajian

Kebiasaannya, hasil daripada dapatan kajian akan memberi beberapa kepentingan sama ada secara keseluruhan ataupun hanya sedikit. Walau bagaimanapun, pihak-pihak yang

terlibat akan memperoleh kepentingan bersesuaian dengan fungsi seperti kementerian, agensi mahupun masyarakat itu sendiri. Antara kepentingan-kepentingan daripada kajian ini adalah :-

- i. Kementerian Pelancongan Malaysia
 - Polisi-polisi sedia ada akan dipertingkatkan bagi menyediakan kehidupan yang berkualiti kepada komuniti yang terlibat dalam program ini.
 - Penyediaan dari segi bantuan kewangan sekiranya terdapat masalah dari segi kemudahan tambahan supaya komuniti ini lebih selesa.
 - Meningkatkan kebolehpasaran program homestay Malaysia pada masa hadapan.
- ii. Institut Kemahiran Desa
 - Agensi ini akan mengenal pasti keupayaan dan kebolehan sebenar komuniti dalam mengekalkan industri pelancongan desa pada masa hadapan.
 - Menyediakan latihan dan bantuan kepada komuniti ini agar masalah yang dihadapi dapat diselesaikan.
 - Meningkatkan keperluan kursus dan latihan kepada pengusaha dan bakal pengusaha untuk kelestarian pelancongan desa.
 - Dijadikan output kepada organisasi yang merancang dan melaksanakan modul latihan agar latihan yang disediakan dapat ditingkatkan dengan lebih efektif bersesuaian dengan kehendak dan keperluan pembangunan program homestay.
- iii. Agensi Pelancongan di bawah Koridor Ekonomi Pantai Timur(ECER)
 - Menjadi agensi perantara antara Kementerian Pelancongan dan komuniti yang terlibat dalam program homestay untuk menyampaikan maklumat.
 - Mengenal pasti kelebihan dan kelemahan yang perlu diperbaiki dalam menjayakan program homestay dalam wilayah ECER.



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

- iv. Komuniti yang terlibat
 - Menggalakkan komuniti atau masyarakat setempat lain supaya berminat dan mempunyai keinginan dalam membina satu program homestay di kawasan mereka.
 - Dapat memupuk rasa sayang dan cintakan kampung agar keceriaan, kebersihan dan kemajuan kawasan tersebut dijaga oleh semua pihak

1.8 Skop Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih homestay di pantai timur sebagai tempat kajian yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang di bawah wilayah ECER (*Corridor Economic Pantai Timur*) serta negeri Johor. Terdapat enam buah homestay yang telah dipilih oleh pengkaji dalam kajiannya iaitu di negeri Pahang iaitu Homestay Kuala Medang dan Homestay Desa Murni, di negeri Terengganu iaitu Homestay Teluk Ketapang dan Homestay Rhu 10, Setiu manakala di negeri Kelantan pula adalah Homestay Kampung Pantai Suri dan Homestay Kubang Telaga, Bachok. Pemilihan enam buah homestay ini adalah untuk mengkaji kesediaan masyarakat dalam pembangunan program homestay berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan. Pemilihan tempat kajian juga adalah berdasarkan kepada justifikasi keaktifan homestay tersebut dan juga dari segi populasi lawatan pelancong. Oleh itu, fokus kajian ini adalah mengenalpasti pandangan dari aspek penjana ekonomi, tahap kesediaan masyarakat dari aspek pengetahuan, kemahiran, kepimpinan dan sokongan masyarakat..



1.9 Kerangka Konsep

Komponen-komponen kesediaan masyarakat sangat penting dalam pembangunan pelancongan untuk kelestarian industri pelancongan pada masa hadapan. Terdapat lima komponen yang dikenal pasti untuk dibangunkan dalam pembangunan kerangka keupayaan komuniti dalam penglibatan program pelancongan (Gibbon et.al , 2002).


Komponen-komponen tersebut iaitu :-

- a. Pengetahuan dan Kemahiran
- b. Kesediaan kepimpinan
- c. Sokongan masyarakat

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual berkaitan dengan pembangunan kesediaan di peringkat masyarakat. Matlamat pembangunan pelancongan komuniti seperti homestay adalah membantu masyarakat luar bandar supaya pembangunan pelancongan dapat diperkasakan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep

(Sumber: Adaptasi : Goodman et al. ,2006, Aref, F., & Ma'rof, 2010,Laverack 2005,Moscardo2001)

1.10 Definisi Konsep dan Istilah

Berikut diberikan beberapa definisi terminologi yang akan digunakan dalam kajian ini:-

1.10.1 Kesediaan

Kesediaan bermaksud keadaan atau kualiti persediaan dari segi minda dengan keazaman dan kesungguhan. Seorang individu yang bersedia bekerja akan melaksanakan dengan lancar dan berpuas hati terhadap hasil yang diperolehi. Sebaliknya, jika tidak bersedia untuk menerima tugas dan dalam keadaan terpaksa, seseorang individu akan tidak akan mencapai kepuasan dalam bekerja. Menurut Skinner (1965) kesediaan asas dan kecenderungan seseorang untuk bekerja bergantung pada kesediaan atau sebaliknya. Dalam konteks kajian ini, kesediaan membawa maksud kerelaan sesebuah komuniti untuk terlibat secara langsung atau sebaliknya. Kesediaan komuniti yang terlibat dalam merancang dan mengurus semua yang berkaitan dengan program homestay termasuklah penglibatan, struktur organisasi, kemahiran yang diperlukan dan juga pengetahuan.

1.10.2 Pengetahuan

Pengetahuan adalah merupakan hasil dari “tahu” dan ini terjadi setelah orang melakukan penginderaan terhadap sesuatu objek tertentu. Sebahagian besar pengetahuan manusia diperoleh melalui pendidikan, pengalaman, orang lain, media massa mahupun lingkungan (Notoatmodjo, 2003). Dalam kajian ini, pengetahuan dimaksudkan adalah hasil dari “tahu” masyarakat terhadap program homestay yang boleh memberi peluang dalam penjanaaan ekonomi. Melalui pengetahuan yang sedia ada mahupun pengalaman, masyarakat boleh melibatkan diri dalam industri pelancongan desa.

1.10.3 Kemahiran

Kemahiran adalah kemampuan untuk mencapai dengan jayanya sesuatu yang mana memerlukan pengetahuan yang khusus atau kebolehan atau kecekapan. Antara

kemahiran yang disenaraikan adalah seperti kemahiran berkomunikasi, menggunakan teknologi, merancang dan mengelola aktiviti, bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan, menyelesaikan masalah, mengurus, memilih dan menganalisis maklumat, menggunakan idea, memahami budaya dan kemahiran persediaan untuk kerjaya .Talib et. al (2010). Dalam kajian ini, kemahiran didefinisikan sebagai kemampuan masyarakat yang mempunyai pengetahuan tentang program homestay seperti kemahiran mengurus organisasi, kemahiran menyambut tetamu, dan secara khusus mengenai kesediaan yang harus dimiliki apabila terlibat dalam program ini.

1.10.4 Masyarakat

Beeton(2006), menjelaskan masyarakat merupakan kumpulan yang dikelilingi nilai-nilai yang sama dan diiktiraf dengan struktur sosial di dalam perkongsian lokasi geografi, umumnya unit sosial yang lebih besar daripada sebuah keluarga. Perkataan ini juga boleh merujuk kepada masyarakat kebangsaan dan juga dunia. Dalam kajian ini, pengkaji mendefinikan masyarakat adalah individu-individu yang tinggal dalam sesebuah kawasan dan menjalani atau merancang aktiviti homestay sama ada secara langsung ataupun tidak. Masyarakat merujuk kepada keluarga-keluarga yang terlibat dalam program homestay.

1.10.5 Kepimpinan

Menurut YukI (2006), mentakrifkan kepimpinan adalah proses mempengaruhi orang lain untuk memahami dan bersetuju dengan apa yang perlu dilakukan dan bagaimana untuk melakukannya bagi memudahkan usaha individu dan kumpulan untuk mencapai objektif. Dalam kajian ini, kepimpinan merujuk kepada individu yang mempunyai kebolehan untuk membuat keputusan dengan adil untuk kepentingan bersama dalam program homestay.

1.10.6 Homestay

Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah telah mentakrifkan homestay sebagai penginapan di mana pengunjung tinggal bersama keluarga tuan rumah yang telah berdaftar dalam program ini, mengalami kehidupan harian masyarakat tempatan. Manakala Dictionary Merriam Webster Corporation, (2002) mentakrifkan homestay sebagai tempoh masa selama mana pengunjung di negara asing tinggal bersama keluarga tempatan. Dalam kajian ini, homestay merupakan sebuah tempat tinggal untuk pelancong di samping mereka mempelajari dan berkongsi adat resam dan budaya tuan rumah. Segala aktiviti harian tuan rumah akan disertai pelancong dengan tujuan pertukaran dan penambahan pengetahuan baru.

1.10.7 Pelancongan Desa

Menurut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), pelancongan desa ditakrifkan sebagai mengambil tempat pelancongan di kawasan luar bandar. Reichel & Priddle. (2000,) pelancongan desa boleh menjadi sumber penting pekerjaan untuk masyarakat tempatan. Pelancongan boleh menjadi kuasa yang penting untuk membangunkan kawasan luar bandar yang kurang bernasib baik. Khususnya, masyarakat luar bandar dengan beberapa pilihan lain untuk pembangunan pertumbuhan pelancongan yang tawar. Dalam konteks kajian ini, pelancongan desa merujuk kepada pelancongan luar bandar yang melibatkan masyarakat dengan memanfaatkan keunikan di desa-desa dan menawarkan perkongsian tentang amalan kehidupan harian, budaya, komunikasi dan sebagainya. Ini membolehkan pelancong berinteraksi dan menjalani sendiri kehidupan di luar bandar.

1.11 Rumusan

Di dalam bab 1 mengandungi pengenalan mengenai kajian yang akan dijalankan. Pengkaji menerangkan tentang pelancongan secara umumnya dan menceritakan dengan terperinci mengenai pelancongan alternatif iaitu pelancongan desa yang melibatkan

pelancongan di luar bandar. Pelancongan berasaskan komuniti merupakan galakkan pihak kerajaan supaya masyarakat di luar bandar turut terlibat dalam program dan perancangan oleh mereka. Melalui program homestay, masyarakat dapat mempromosikan keunikan budaya sesebuah tempat dengan kedatangan pelancong sama ada domestik mahupun antarabangsa. Kerjasama dalam sesebuah masyarakat secara langsung membentuk sebuah organisasi di peringkat kampung dengan sokongan pihak kerajaan dalam menjayakan program homestay.

Selain itu juga, di dalam bab ini juga menjelaskan latar belakang masalah dan pernyataan masalah. Objektif dan skop kajian disertakan bagi memudahkan rujukan pada masa akan datang di samping menerangkan tentang tujuan kajian ini dilaksanakan oleh pengkaji. Definisi istilah juga terkandung dalam bab ini bagi memudahkan pembaca memahami istilah-istilah yang telah digunakan oleh pengkaji. Oleh itu, dalam bab 2 pengkaji membincangkan tentang pelancongan, pelancongan berasaskan komuniti dan program homestay.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Sejak beberapa dekad lalu, industri pelancongan merupakan industri yang terbesar dan paling menguntungkan semua pihak. Secara tidak langsung, industri ini mampu menjana ratusan ringgit dengan penglibatan industri lain seperti perhotelan, pembinaan, pembuatan, makanan dan pelbagai industri perkhidmatan yang lain. Proses globalisasi mendorong negara untuk membangunkan sektor pelancongan seiring dengan kemajuan ekonomi.

Pelancongan merupakan pergerakan individu ke sesuatu tempat secara sementara. Menurut Mathieson & Wall (1982), pelancongan melibatkan pergerakan sementara manusia ke destinasi di luar tempat kerja dan tempat tinggal. Pelancongan juga melibatkan aktiviti yang dilakukan di tempat yang dituju dan kemudahan yang diwujudkan untuk menampung keperluan mereka. Oleh itu, pelancongan akan melibatkan kemasukan pelancong tempatan dan juga pelancong dari luar negara untuk bermalam di destinasi pelancongan. Manakala, menurut Butler (1980), pembangunan sesuatu destinasi pelancongan adalah melalui suatu proses evolusi, melainkan destinasi yang dirancang. Umumnya, pembangunan sesuatu destinasi pelancongan melalui empat tahap; iaitu tahap penerokaan, penglibatan, pembangunan, dan tepu.

Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin mengenal pasti pandangan masyarakat terhadap program pelancongan desa yang memberi peluang dari segi ekonomi dan aspek kesediaan masyarakat dari aspek pengetahuan, kemahiran, kepimpinan, dan sokongan masyarakat.

2.2 Konsep Pembangunan Komuniti

Terdapat ramai pengkaji sosial memberi dan melakukan penelitian tentang definisi pembangunan komuniti. Definisi yang dikemukakan berbeza-beza mengikut aspek pemerhatian seperti budaya dan juga lokasi masyarakat yang terlibat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa ciri-ciri yang utama yang mempunyai persamaan dalam definisi pembangunan komuniti tanpa mengira di mana pembangunan itu dipraktikkan. Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan pembangunan komuniti secara lengkap sebagai:

The process by which the effort of the people themselves are united with those government authorities to improve the economic, social and cultural condition of communities, to integrate these communities into the life of nation, and to enable them to contribute fully to national progress.

Biggs, S. (1999)

Daripada definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa pembangunan komuniti yang dilaksanakan selama ini berfungsi untuk memperbaiki kehidupan sosial dan ekonomi sesebuah komuniti supaya mampu menyara hidup mereka.

Sementara itu Flora et.al ,(1993) mendefinisikan pembangunan komuniti adalah menggabungkan idea 'komuniti' dengan 'pembangunan'. Pembangunan komuniti yang bergantung kepada interaksi antara masyarakat dengan melakukan tindakan bersama, bukannya aktiviti individu. Kedua-dua gabungan perkataan tersebut menunjukkan bahawa masyarakat itu sendiri terlibat dalam proses yang bertujuan memperbaiki pelbagai sudut sosial, ekonomi dan alam sekitar masyarakat. Bagi mewujudkan pembangunan komuniti, masyarakat mestilah mempunyai kepercayaan antara satu sama lain dan boleh membuat dan mengurus keperluan yang dikongsi bersama-sama, Flora dan Flora et. al, (1993).

Pembangunan merupakan suatu proses daripada mengenal pasti masalah masyarakat sehingga kepada proses penyelesaian tersebut. Mengikut Hope (1980), perubahan ini akan dapat dirasai oleh masyarakat yang terlibat sekiranya proses ini disertai oleh semua pihak sama ada pihak kerajaan, bukan kerajaan dan masyarakat itu sendiri.

Bagi *Community Development Academy* (CDA), pembangunan komuniti adalah satu usaha yang menyeluruh daripada semua pihak yang terlibat dengan melibatkan elemen-elemen penting seperti kerjasama, toleransi dan memaksimumkan penggunaan sumber-sumber. Ia juga merujuk kepada penglibatan daripada semua pihak dan agensi untuk mencapai sesuatu matlamat yang sama iaitu memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat. Pembangunan komuniti ini penting kepada masyarakat berdasarkan kepada dua sebab utama yang berikut:-

1. Pembangunan komuniti menyediakan rangka kerja yang sistematik untuk pembangunan masyarakat terutama di dalam usaha membasmi kemiskinan.
2. Pembangunan komuniti penting untuk kejayaan jangka panjang di dalam era globalisasi.

Sabran (2003)

